

11/07/2002

Acara beregu skuasy jadi sandaran pingat

HANYA acara beregu mampu membutirkan pingat bagi skuasy tatkala kehadiran jaguh dunia lelaki dan wanita menyukarkan peluang buat dua pemain utama negara, Ong Beng Hee dan Nicol Ann David mengintai sebarang pingat di Sukan Komanwel di Manchester.

Skuad Malaysia yang membariskan lima pemain Beng Hee, Mohd Azlan Iskandar, Kenneth Low, Nicol dan Sharon akan berdepan dengan saingan sengit terutama daripada pasukan pilihan Australia yang memenangi dua pingat emas, tiga perak dan satu gangsa serta England dengan pencapaian terbaik dua emas, satu perak dan empat gangsa di Kuala Lumpur, empat tahun lalu.

Justeru, acara beregu sangat diharap dapat mengakhiri kemarau pungutan pingat di Sukan Komanwel dan sasaran Persatuan Raket Skuasy Malaysia (SRAM) itu mungkin dapat dilaksanakan apatah lagi Beng Hee dan Nicol berjaya meraih tempat ketiga di Kejohanan Beregu Terbuka Dunia di Manchester, April lalu.

Sambil Nicol yang masih lagi berada di tanah air akan berangkat ke England pada 20 Julai depan bagi menjalani latihan bersama dengan Beng Hee selama seminggu dalam usaha mewujudkan keserasian antara mereka.

Pemangku Presiden SRAM, Datuk Mokhzani Mahathir berkata, kehadiran pemain terbaik dunia menyukarkan peluang buat Malaysia meraih pingat dalam acara individu.

"Untuk mendapatkan pingat dalam acara individu ia banyak bergantung kepada kepada keadaan pemain utama negara, Beng Hee dan peluang mungkin cerah seandainya dia tidak diundi berdepan dengan dua pemain terbaik dunia, Jonathan Power dan Peter Nicol kerana dia belum pernah menewaskan pemain itu," katanya ketika ditemui dalam majlis lawatan Chef de Mission Sukan Komanwel, W Y Chin ke lokasi latihan di Pusat Skuasy Majlis Sukan Negara, Jalan Duta, semalam.

Dalam lawatan semalam, Chin hanya dapat bertemu Kenneth, Nicol dan Sharon, manakala Beng Hee dan Azlan kini berada di luar negara kerana menjalani latihan serta menyertai beberapa sirkit kejohanan.

Berdasarkan senarai pemain di Sukan Komanwel, Beng Hee kini berada di kedudukan lapan terbaik dunia menjadi pilihan keenam.

Sambil Nicol pemain di ranking ke-16 dunia menjadi pemain pilihan ke-11 dan kemungkinan berdepan pemain pilihan kelima hingga kelapan pada peringkat awal.

Nicol yang sekadar berada di kedudukan 16 terbaik di Kuala Lumpur `98 mensasarkan tempat ke suku akhir dan sasaran itu dirasakan realistik kerana corak permainannya semakin matang dan kedudukan peringkat dunia juga semakin baik.